

# Cari keredaan di tengah laut

Oleh Noor Hidayah  
Tanzizi  
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

## Individu bina surau di kawasan perairan jadi tempat persinggahan dan solat

membinaanya.

Menyemak di ruangan komen, ada netizen yang mendakwa lokasi surau di tengah laut itu terletak di Pulau Pinang dan ada juga yang mengatakan ia berada di Bagan Tiang, Perak.

Pensyarah Fiqh Fatwa Kontemporari Pusat Kajian Syariah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Prof Madya Datuk Dr Mohd Izhar Ariff berkata, Islam menggalakkan pembinaan masjid atau surau.

Menurutnya, kawasan yang dihuni masyarakat Islam, negara, negeri selain perkampungan Islam digalakkan dibina masjid atau surau.

Ia sebagai syiar kepada agama, negara serta kawasan yang mempunyai ciri ketamadunan dan pensyariaan Islam.

“Kita diwajibkan untuk solat di mana kita berada sama ada di udara, di laut, di darat, kita wajib sembahyang (termasuk) jika orang itu berada di luar angkasa, berada di dasar laut tetap wajib sembahyang jika mempunyai kemampuan untuk solat, (tetapi) kalau kita tak mampu, kita kena qada di tempat sesuai.

“Jadi, apabila berada di tengah laut, kita wajib solat, wajib solat di atas kenderaan (bot) kalau memang di tengah-tengah



*Pembinaan surau di kawasan perairan adalah terpuji serta menggalakkan orang menunaikan solat sekaligus mengingatkan mereka supaya tidak lupa kepada Allah SWT”*

**Dr Mohd Izhar**

laut itu tiada surau atau masjid,” katanya dihubungi Harian Metro, semalam.

Justeru, kata beliau, pembinaan surau di kawasan perairan adalah terpuji serta menggalakkan orang menunaikan solat sekaligus mengingatkan mereka supaya tidak lupa kepada



*(Memang) di mana saja kita boleh solat walau di atas bot atau kapal dan tidak semestinya di masjid atau surau”*

**Dr Mohd Sukki**

Allah SWT dan mengerjakan solat walau di mana mereka berada.

“Saya harap siapa saja berada di lautan untuk menunaikan solat, di mana jauh mereka berada jika memang ada surau untuk solat, maka digalakkan untuk menghidupkan surau (biarpun) solat di atas kapal atau bot tiada masalah

dan sah, cuma ada orang lebih selesa solat di tempat tidak bergerak.

“Ada sebahagian orang, dia cuba membina sebuah surau di tengah laut untuk memberi keselesaan beribadat kepada Allah SWT, maka itu amat terpuji kerana berusaha memenuhi hak Allah SWT dan hak mereka kepada Allah SWT,” katanya.

Pensyarah Wacana Aqidah, Fiqh dan I’jaz al-Quran, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Madya Dr Mohd Sukki Othman berkata, surau itu bukan saja memberi keselesaan kepada orang yang ingin bersolat, malah boleh juga menjadi tempat persinggahan.

“(Memang) di mana saja kita boleh solat walau di atas bot atau kapal dan tidak semestinya di masjid atau surau.

“Tetapi, kalau ada masjid (atau surau), lebih mudah dan lebih baik,” katanya.

Pengguna TikTok, @abdulrazakustaz mendakwa, dia pernah menunaikan solat berjemaah dengan rakan yang juga nelayan di surau berkenaan dan Zulkhairi turut menulis, ‘semoga bermanfaat kepada pemancing atau nelayan sekitarnya’.

### Kuala Lumpur

‘Wakaf singgah solat. Anda dijemput singgah solat di sini.’

Itu yang ditulis pada papan tanda sebuah surau di tengah laut yang mendapat perhatian dan pujian netizen di TikTok.

Video dikongsikan seorang pengguna TikTok itu tanpa menulis keterangan berkaitan surau berkenaan dan lokasinya meraih perhatian ramai.

Malah, netizen mengharagai serta memuji usaha dilakukan individu yang



SURAU di tengah laut dikongsi pengguna TikTok.